

24 MAY 1997

Osu-Tanah

KAWALAN RAPI DALAM PENGAMBILAN TANAH

KOTA KINABALU, 24 Mei (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri akan mendapati syarat pengambilan tanah daripada rakyat lebih tegas apabila pindaan Akta Pengambilan Tanah mula berkuatkuasa, kata Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam.

Osu berkata, Akta itu yang akan dikuatkuasa di seluruh negara akan membolehkan kawalan yang lebih tegas bagi mengelakkan kerajaan-kerajaan negeri menyalahgunakan kuasa semasa mengambil tanah rakyat, khasnya dalam mengambil tanah dan kemudian menjualnya kepada pihak ketiga untuk mengaut keuntungan.

"Terdapat beberapa kerajaan negeri yang gagal mematuhi prosedur itu menyebabkan pemilik-pemilik tanah mencari penyelesaian di mahkamah kerana mendakwa bayaran pampasan yang tidak memuaskan," dan penyalahgunaan kuasa dalam hal ini agak berleluasa.

Osu berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London semalam yang beberapa kerajaan negeri bertindak tidak selaras dengan Kerajaan Persekutuan khasnya dalam pengambilan tanah rakyat.

Osu berkata demikian semasa mengiringi Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di pameran gambar foto New Straits Times mengenai ulangtahun ke 50 Umno di Wisma Muis di sini, hari ini.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan telah memudahkan prosedur bagi kerajaan negeri mengambil tanah rakyat bagi pembangunan tetapi mendapati tanah diambil untuk dijual pada pihak ketiga untuk mengaut keuntungan.

Osu berkata kejadian itu agak berleluasa dan kerajaan memandang serius perkara itu dan menyebabkan pindaan pada Akta Pengambilan Tanah.

"Kita sedar akan keluhan pemilik-pemilik tanah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan dan dijual kepada pihak ketiga dengan keuntungan yang besar berbanding pampasan yang dibayar.

Beliau berkata, Akta yang dipinda itu menyediakan garis panduan yang lebih jelas kepada kerajaan negeri dalam mengambil tanah dan juga memberi peluang kepada pemilik tanah untuk memajukan tanah mereka atas dasar usahasama dengan sektor swasta.

"Hanya apabila pemilik-pemilik tanah tidak dapat memajukan tanah mereka kerajaan akan mengambilnya dan membayar pampasan mengikut harga pasaran semasa," kata beliau lagi. -- BERNAMA

KG PR